

10 NOV 2000

Isa-marina

SETIAP NEGERI HARUS PUNYAI SATU MARINA

PORT DICKSON, 10 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini merasmikan Pameran Bot Antarabangsa Malaysia ke-10 (MIBS 2000) di sini, dengan menyatakan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu supaya setiap negeri di Semenanjung mempunyai sekurang-kurang satu marina.

Mohamed Isa berkata harapan Dr Mahathir ialah supaya Malaysia menjadi pusat bagi kapal dan perahu layar bagi rantau ini.

"Perdana Menteri menyatakan demikian semasa mesyuarat dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dari Barisan Nasional (BN) semalam," katanya semasa merasmikan MIBS 2000 di Admiral Marina & Leisure Club di sini.

MIBS 2000 diadakan selama empat hari bermula semalam dengan bayaran masuk RM4 untuk dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak berumur antara 6 tahun dan 12 tahun.

Mohamed Isa berkata industri bot boleh menjadi industri yang berkembang pesat dan menguntungkan kerana mereka yang memiliki bot atau perahu layar akan belayar mengelilingi dunia dan boleh singgah di negara ini.

Katanya industri hiliran daripadanya juga boleh digiatkan seperti bengkel perahu layar, alat-alat ganti dan seumpamanya.

Ketika menjelaskan perkara itu kepada pemberita kemudian, beliau berkata di Negeri Sembilan kerajaan negeri meluluskan pembinaan empat marina termasuk Admiral Marina.

Katanya tiga lagi marina di kawasan pesisir pantai Port Dickson dijangka siap dalam masa dua atau tiga tahun lagi, yang apabila siap akan membolehkan lebih ramai pelayar dari negara-negara seluruh dunia belayar ke Port Dickson.

Beliau juga berkata pada mesyuarat Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri dari BN semalam, kerajaan-kerajaan negeri telah memberi pengakuan akan memberikan kerjasama melaksanakan ketetapan yang dibuat oleh kabinet yang ada hubung kait dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Katanya terdapat antara 30 dan 40 ketetapan, antaranya berhubung pembangunan di kawasan berbukit dan lereng, pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CF) dan berkenaan perparitan.

Ia penting agar semua program pembangunan dan usaha memajukan negara berjalan dengan baik, katanya.

Mohamed Isa juga berkata kerajaan negeri akan memberi sokongan dan bantuan sewajarnya kepada penganjur MIBS, Protemp Exhibitions Sdn Bhd jika mereka mahu menjadikan Admiral Marina & Leisure Club sebagai tempat tetap menganjurkan MIBS pada masa depan. Ini merupakan kali pertama MIBS diadakan di Port Dickson kerana MIBS sebelum ini diadakan di Lembah Klang.

Kira-kira 50 pempamer termasuk dari Singapura dan Thailand mengambil bahagian dalam pameran bot itu.

-- BERNAMA

AZ AKD